

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	28 DECEMBER 2016

Jangan layan kerenah Tun M

Sinar Harian - 28/12/2016

KUALA LUMPUR - Kerajaan dan kepimpinan Umno disarankan tidak membuang masa melayan kerenah kebudakan serta ketidakmatangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed.

Setiausaha Agung Veteran Umno, Datuk Mustapha Yaakub sebaliknya berkata, kerajaan perlu meneruskan program yang dirancang untuk kepentingan rakyat dan negara.

"Kami minta kerajaan tidak melayan Mahathir dalam apa juga isu sekali pun," katanya.

Menurutnya, Pengerusi Bersatu itu didakwa sengaja mereka cerita sensasi seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) adalah haram dan rasuah, semata-mata untuk mendapat perhatian serta publisiti murahan.

"Beliau (Tun M) senga-

'BR1M' umpan raih sokongan rakyat'

ROSHILA MURNI ROSLI

ALOR SETAR - Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak didakwa menggunakan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebagai umpan untuk meraih sokongan rakyat bagi memastikan kemenangan BN pada PRU-14.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed berkata, Najib dilukut begitupun bahawa pemberian wang tunai itu dapat meraih undi agar rakyat terus menyokong BN.

"Najib (mungkin) percaya, 'sudah si King' bagi duit cukup, rakyat akan sokong dia," katanya, ketika berucap pada Program Bicara Rakyat bersama Tun Dr Mahathir.

Mahathir (tengah) bersama Phahrolrazi (kiri) dan Hsiao Leung, ketika Program Bicara Rakyat, kelmarin.

Mohamad, di Taman Wira Menging, kelmarin. Hadir sama, Timbalan Pengerusi Amanah Kedah, Datuk Ir Phahrolrazi Zinawi dan Timbalan Pengerusi PKR Kedah, Gooi Hsiao Leung. Mahathir berkata, umpan BR1M itu konvensional dilihat

sebagai usaha meringankan beban kewangan rakyat, namun rakyat tetap mendertia akibat pedagang kenaikan kos sara hidup oleh kerajaan.

"Ketika ini banyak sektor bersedia melakukan perbelanjaan sehingga mahu beri tekanan kepada rakyat. Sedangkan kalau ia banyak, apa pun harga lebih rendah. Banyak lagi perbelanjaan yang tidak mencukupi, tetapi BR1M yang diberikan," katanya.

Pengerusi Bersatu itu turut mengemukakan rakyat telah ada pemberian wang. BR1M merupakan suatu kesalahan rasuah dalam salah di sitingnya dan undang-undang negara.

"Ketika pemerintahan saya, saya tak beri duit, tetapi banyak kebajikan yang dirasakan dahulu berikan melalui sistem jalan raya yang baik, peruntukan untuk sekolah mencukupi, anak-anak diberikan beasiswa dan banyak lagi. Tetapi sokongan rakyat lebih menghargai duit BR1M," katanya.

"Mungkin, tidak masta-hi jumlah perbelanjaan BR1M ditaklukkan dari RM500 kepada RM1,200 kerana Najib percaya umpan yang diberikan kepada rakyat berkesan."

"Pernah seorang pendakwah-kampung, apabila ditanya kenapa tidak menyokong Bersatu dan saya, dia jawab, Bersatu tak bagi duit. Najib fagidur. Inilah kesahihan kita, kita masha' terima sedangkan tirulian itu akan mencosakkan negara," katanya.

Beri pendapat cara berhema walau beza pandangan

Presiden Pas, Datuk Awang Y. Kasim, berkata, setiap individu mempunyai pendapat yang berbeza. Beliau berkata, setiap orang mempunyai pendapat yang berbeza. Beliau berkata, setiap orang mempunyai pendapat yang berbeza.

Laporan Sinar Harian, Ahad lalu.

ja berbuat demikian dengan tujuan mahu mendapat reaksi daripada pihak kerajaan, sekali gus Umno," katanya.

Beliau berkata, apabila kenyataan Mahathir mendapat reaksi pemimpin, ia adalah kemenangan buat bekas pemimpin itu.

"Kami yakin rakyat sudah bosan dengan kerenahnya

yang berterusan menyerang kerajaan.

"Beliau sebenarnya kecewa dengan kegagalannya jatuhkan Najib dan paling kecewa apabila parti yang baru ditubuhkan dilanda masalah kepimpinan.

"Jadi untuk mengalih isu dalam Bersatu, beliau tiba-tiba mengeluarkan fatwa mengenai BR1M," katanya.